

21 FEB 2003

TAHNIAH KEPADA SAINT LUCIA KERANA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid menyampaikan perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Saint Lucia, Dame Pearlette Louisy, sempena ulang tahun ke 24 hari kemerdekaan negara itu.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya, Dr Kenny D. Anthony.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir menyatakan keyakinan beliau bahawa negara di Laut Caribbean itu dan rakyatnya akan mencapai kejayaan dan kemakmuran yang lebih lagi di tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Julian Hunte berkata, Malaysia berharap dapat mengembangkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

SHI AHH PR